



## **KENYATAAN MEDIA**

### **OP KUDA LAUT: KM GEMIA TAHAN EMPAT BOT NELAYAN VIETNAM, 24 KRU CEROBOKH PERAIRAN**

**KUALA TERENGGANU, 5 April** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Negeri Terengganu telah berjaya menahan empat bot nelayan asing Vietnam bersama 24 kru yang menceroboh perairan negara petang semalam.

Kesemua bot tersebut ditahan oleh Kapal Maritim (KM) GEMIA yang sedang melaksanakan OP KUDA LAUT Siri 3/2021 di sekitar 110 hingga 113 batu nautika dari muara Kuala Terengganu.

Semasa rondaan KM GEMIA telah mengesan empat bot yang mencurigakan berada secara berdekatan dan disyaki bot nelayan asing Vietnam sedang melakukan aktiviti penangkapan hasil laut di perairan Malaysia tanpa kebenaran.

Pemeriksaan mendapati kesemua bot tersebut adalah bot nelayan asing Vietnam dengan dikendalikan enam kru termasuk tekong bagi setiap bot serta tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

24 kru termasuk tekong berumur antara 30 hingga 58 tahun itu merupakan warga Vietnam telah ditahan berserta empat bot termasuk merampas hasil tangkapan laut, bekalan diesel dan peralatan menangkap ikan yang dianggarkan bernilai hampir RM4 juta.

Empat bot serta 24 kru dibawa ke jeti Maritim Negeri Terengganu untuk siasatan lanjut di bawah Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/1963.

Dalam perkembangan yang sama, semalam Maritim Malaysia Negeri Kelantan turut menahan sebuah bot nelayan asing Vietnam bersama 5 kru termasuk tekong Vietnam di perairan Kelantan sekitar 50 batu nautika dari muara Tok Bali.

Manakala pada minggu lepas, Zon Maritim Mersing juga telah menahan lapan bot nelayan tempatan kelas C yang mencurigakan bersama 52 kru warga Vietnam di sekitar Sungai Endau.

Bot-bot kelas C yang ditahan di Sungai Endau, Mersing disyaki bot 'klon' kerana menggunakan nombor pendaftaran tempatan, namun ciri-ciri fizikal adalah seperti mana bot nelayan Vietnam. Pemeriksaan mendapati kesemua bot ini baharu sahaja tiba dari Vietnam.

Ketiga-tiga kes tangkapan ini berlaku dalam tempoh lima hari bermula pada 30 Mac hingga semalam (4 April) melalui OP KUDA LAUT dengan melibatkan penahanan ke atas 13 bot nelayan Vietnam serta 81 kru Vietnam keseluruhannya.

Sehingga kini, OP KUDA LAUT yang dilancarkan pada 26 Jun 2020, Maritim Malaysia telah berjaya menangkap sebanyak 93 bot nelayan asing Vietnam dan seramai 981 kru telah ditahan.

OP KUDA LAUT adalah kesinambungan daripada OP NAGA yang telah merekodkan kejayaan cemerlang sejak tahun 2019 dengan tangkapan sejumlah 370 bot nelayan asing serta menahan seramai 2,945 kru asing keseluruhannya.

Kedua-dua operasi ini bertujuan memerangi dan membanteras pencerobahan nelayan asing di perairan negara, terutamanya nelayan Vietnam.

Maritim Malaysia tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak terutamanya nelayan asing yang menceroboh perairan negara bagi mengaut hasil laut tanpa kebenaran yang mana akan merugikan negara.

Rondaan dan pemantauan akan terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi mencegah sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang maritim, justeru itu kerjasama masyarakat terutama nelayan tempatan untuk melaporkan sebarang maklumat dan salah laku yang berlaku di perairan negara ke talian MERS 999 atau 03-89957000.

**-TAMAT-**

**LAKSAMANA MARITIM DATO' MOHD ZUBIL BIN MAT SOM**  
**KETUA PENGARAH**  
**AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (MARITIM MALAYSIA)**